

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- DASAR PANDANG KE TIMUR TELAH MEMBOLEHKAN ORANG MELAYU MENCEBURI BIDANG KONTRAK BESAR-BESARAN SERTA MEMPEROLEHI TEKNOLOGI MEMBINA BANGUNAN PENCAKAR LANGIT DI NEGARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN SEBELUM KERAJAAN MELAKSANAKAN DASAR ITU, TIDAK ADA ORANG MELAYU YANG MENDAPAT BAHAGIAN DALAM BIDANG KONTRAK KECIL MALAHAN HENDAK BELAJAR MENGATUR BATU-BATU MEMBUAT BANGUNANPUN TIDAK MENDAPAT PELUANG.

+KINI DENGAN TERLAKSANANYA DASAR PANDANG KE TIMUR 30 PERATUS ANAK-ANAK MELAYU DIAMBIL BEKERJA DALAM PEMBINAAN PROJEK-PROJEK MEMBUAT BANGUNAN PENCAKAR LANGIT SEPERTI DAYABUMI.

+KALAU DULU TIDAK ADA MELAYU DIBENARKAN MENYERTAI PROJEK SEUMPAMA ITU TETAPI KINI BERPULUH-PULUH PENGURUS, JURUTERA, ARKITEK DAN LAIN-LAIN KAKITANGAN DIAJAR CARA-CARA MEMBINA BANGUNAN, + TAMBAHNYA SEMASA MENGGULUNG PERBAHASAN DI AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI SINI.

BELIAU MENANYAKAN SAMADA ORANG MELAYU MASIH MAHU KEADAAN SEBELUM DASAR PANDANG KE TIMUR DILAKSANAKAN BERLAKU LAGI DI MANA CUMA WARGA NEGARA BUKAN MELAYU ATAU BUMIPUTERA MENDAPAT PELUANG MENDIRIKAN KILANG BESI ATAU LAIN-LAIN PROJEK BESAR. --- LAGI 2158/WS

ZCZC B643

MAHATHIR - PANDANG TIMUR 2 KUALA LUMPUR

+SAYA LIHAT DENGAN MATA KEPALA SAYA SENDIRI PEMBINAAN BERBAGAI-BAGAI BANGUNAN BESAR DAHULU SEPERTI CHARTERED BANK; TIDAK TERDAPAT SEORANG MELAYUPUN BEKERJA DI SITU. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SUNGGUHPUN KERAJAAN MENGENAKAN BERBAGAI SYARAT KEPADA PIHAK JEPUN DAN KOREA YANG MENGENDALIKAN PROJEK-PROJEK DI SINI UNTUK MEMBOLEHKAN PENYERTAAN BUMIPUTERA; MEREKA MENERIMANYA.

INI SUNGGUH BERBEZA DENGAN PIHAK TEMPATAN BUKAN BUMIPUTERA YANG TERDAHULUNYA MENGENDALIKAN PROJEK DI NEGARA INI YANG ENGGAN MENERIMA SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU MENEGASKAN PENGAMBILAN KONTRAKTOR JEPUN DAN KOREA TIDAK BERMAKNA KERAJAAN MENGHALANG BUMIPUTERA DARI MENGENDALIKAN PROJEK BESAR-BESARAN.

+SYARIKAT-SYARIKAT ATAU ORANG PERSAORANGAN BUMIPUTERA YANG MAMPU DAN MEMPUNYAI KEPAKARAN MEMBUAT PROJEK SEPERTI BANGUNAN PNB 45 TINGKAT SILA BUAT TAWARAN DAN KAMI SEDIA MELAYANINYA. + TAMBAHNYA.

-- LAGI 2200/WS